

PERATURAN PERMAINAN PICKLEBALL**1 PERATURAN TEKNIKAL**

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Mengikut undang-undang dan peraturan yang diguna pakai oleh International Pickleball Federation (IPF) atau Malaysia Pickleball Association (MPA).

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2026.

2 PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Jenis Pertandingan

2.1.1 Pertandingan ini dijalankan secara Beregu Lelaki , Beregu Wanita dan Beregu Campuran.

2.2 Pendaftaran Pemain

2.2.1 Setiap IPT dibenarkan mendaftar 2 beregu bagi setiap acara. Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut:

ACARA	ATLET	JUMLAH	PEGAWAI	JUMLAH
INDIVIDU	LELAKI	6	2	8
	WANITA	6		

2.2.2 Pendaftaran pemain hendaklah dibuat secara online melalui website rasmi SUKIPT 2026.

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Bagi acara individu, sistem pertandingan untuk Kejohanan ini akan dijalankan secara sistem Berkumpulan (*Grouping Group System*).
- 2.3.2 Perlawanan peringkat awal hingga suku akhir akan bermain "21 mata ("Sudden death") menggunakan sistem kiraan 15 mata
- 2.3.3 Masa permainan dimainkan hingga 21 mata, dan jika kedua-dua bergu sama mata 20-20, mata "sudden death" akan dimainkan bagi menentukan pemenang.
- 2.3.4 Bagi peringkat separuh akhir hingga akhir akan bermain " Best of 3 Set" dengan kiraan 15 mata dan jika seri 14-14, mata "sudden death" akan dimainkan bagi menentukan pemenang.
- 2.3.5 Pemenang akan ditentukan oleh pemenang pingat Emas, Perak dan Tempat Ke-3 bersama.
- 2.3.6 Undian akan dibuat semasa majlis undian rasmi oleh Jawatankuasa Teknikal Kejohanan.
- 2.3.7 Format pertandingan secara liga dalam kumpulan dan kalah keluar (*Knock Out System*) pada peringkat seterusnya.

2.4 Referi Kehormat

- 2.4.1 Referi bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi setiap permainan yang dipertandingkan mulai dengan peringkat suku akhir hingga perlawanan akhir.

2.5 Kelewatan

- 2.5.1 Setiap pemain diberi tempoh masa selama 5 minit dari masa perlawanan yang telah ditetapkan sebelum diistiharkan

kemenangan percuma kepada pihak lawan kecuali telah berhubung dan mendapat kebenaran daripada pengelola.

2.6 Penangguhan

2.6.1 Rujuk Perkara 11 Peraturan Am SUKIPT 2026.

2.6.2 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh. Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.

3 PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT 2026.

4 HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2026.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Beregu Lelaki	1	2	1	2	2	4
Beregu Wanita	1	2	1	2	2	4
Beregu Campuran	1	2	1	2	2	4
JUMLAH	3	6	3	6	6	12